

## PERLEMBAGAAN UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

### PERATURAN NO. I PERATURAN UNIVERSITI MALAYSIA SABAH (PERATURAN-PERATURAN MESYUARAT SENAT) 1998

Pada menjalankan kuasa yang diberi oleh Seksyen 33 (1) Perlembagaan Universiti Malaysia Sabah 1998, Senat Universiti Malaysia Sabah dengan ini membuat peraturan berikut:

- |                       |   |
|-----------------------|---|
| Tafsiran              | <ol style="list-style-type: none"><li>1. Dalam peraturan ini:-<ol style="list-style-type: none"><li>a) 'Senat' ertinya Senat Universiti Malaysia Sabah;</li><li>b) Sesuatu rujukan kepada seorang yang memegang sesuatu jawatan hendaklah juga dianggap sebagai rujukan kepada seseorang yang sedang memangku jawatan itu.</li></ol></li></ol>  |
| Keanggotaan<br>PU (A) | <ol style="list-style-type: none"><li>2. (1) Maka hendaklah ada suatu Senat Universiti yang terdiri daripada ahli-ahli yang berikut;<ol style="list-style-type: none"><li>a) Naib Canselor selaku Pengerusi;</li><li>b) Timbalan-Timbalan Naib Canselor;</li><li>c) Semua Dekan-Dekan Sekolah/Pusat, dan semua Ketua Akademi dan Institut;</li><li>d) Tidak lebih daripada 20 orang Profesor Universiti yang hendaklah ditentukan oleh Naib Canselor.</li><li>e) Pendaftar, Bendahari, Ketua Pustakawan hendaklah menghadiri mesyuarat mengikut peruntukan seksyen 20 (2) perlembagaan.</li></ol></li><li>(2) Naib Canselor boleh mengko-opt mana-mana orang untuk menghadiri semua atau sesuatu mesyuarat Senat mengikut Statut Senat tertakluk kepada apa-apa arahan yang dikeluarkan oleh Menteri.</li><li>(3) Naib Canselor akan menjadi Pengerusi mesyuarat Senat. Sekiranya Naib Canselor tidak dapat mempengerusikan mesyuarat, atas sesuatu sebab, beliau bolehlah mewakilkan mana-mana Timbalan Naib Canselor sebagai Pengerusi.</li><li>(4) Mesyuarat hendaklah diadakan oleh Pendaftar atau wakilnya yang akan menjadi Setiausaha Mesyuarat.</li></ol> |
| Jenis<br>Mesyuarat    | <ol style="list-style-type: none"><li>3. Mesyuarat Senat hendaklah terbahagi kepada tiga jenis iaitu mesyuarat biasa, mesyuarat khas dan mesyuarat luar biasa.<ol style="list-style-type: none"><li>(a) Mesyuarat Biasa ini hendaklah diadakan pada tarikh-tarikh tertentu yang ditetapkan terlebih dahulu oleh Senat dan biasanya hendaklah tidak kurang daripada sekali dalam dua bulan. Jika sesuatu mesyuarat biasa tidak dapat diadakan pada tarikh yang telah ditetapkan oleh kerana sesuatu sebab, kecuali ketiadaan kuorum, maka mesyuarat itu hendaklah ditunda biasanya ke hari yang sama pada minggu yang berikutnya.</li><li>(b) Mesyuarat Khas untuk membincangkan perkara-perkara yang tertentu hendaklah diadakan:</li></ol></li></ol>   |

- (i) apabila diarahkan oleh Naib Canselor;
  - atau**
  - (ii) apabila ada permintaan daripada sekurang-kurangnya satu perlima (1/5) daripada bilangan ahli Senat yang berada di Malaysia pada masa itu.
- (c) Sesuatu mesyuarat luar biasa boleh diadakan pada bila-bila masa jika Naib Canselor berpendapat mesyuarat demikian perlu diadakan untuk kepentingan Universiti.
- Pemberitahuan Mesyuarat 4. (a) Pemberitahuan mengenai sesuatu mesyuarat dengan menyatakan tempat, tarikh dan masa mesyuarat itu hendaklah dikeluarkan selewat-lewatnya:-
- (i) empat belas (14) hari terlebih dahulu bagi mesyuarat biasa;
  - (ii) empat (4) hari terlebih dahulu bagi mesyuarat khas; dan
  - (iii) enam puluh (60) minit terlebih dahulu bagi mesyuarat luar biasa.
- (b) Pemberitahuan mengenai mesyuarat-mesyuarat biasa dan khas hendaklah dibuat secara bertulis. Pemberitahuan mengenai mesyuarat luar biasa boleh dibuat secara bertulis atau secara lisan.
- (c) Pemberitahuan mengenai sesuatu mesyuarat boleh dianggap telah disampaikan kepada seseorang ahli Senat sekiranya pemberitahuan itu telah disampaikan kepada seseorang kakitangan yang bertugas di pejabat atau Jabatan ahli yang berkenaan di Universiti.
- Agenda Mesyuarat 5. (a) Agenda bagi mesyuarat biasa hendaklah diedarkan kepada ahli-ahli selewat-lewatnya tujuh (7) hari sebelum tarikh mesyuarat. Agenda bagi mesyuarat-mesyuarat khas dan luar biasa hendaklah disampaikan bersama-sama dengan pemberitahuan mesyuarat.
- (b) Seseorang ahli yang berkehendakkan supaya sesuatu perkara dimasukkan dalam agenda mesyuarat biasa hendaklah menyampaikan kepada Setiausaha sesuatu kertas kerja mengenainya selewat-lewatnya sepuluh (10) hari sebelum tarikh mesyuarat.
- (c) Sekiranya dipersetujui dengan suara terbanyak oleh ahli-ahli yang hadir, perkara-perkara yang tidak dimasukkan dalam agenda mesyuarat biasa boleh dikemukakan untuk perbincangan di bawah perkara “Hal-hal Lain.” Tiada sesuatu perkara boleh dibincangkan dalam mesyuarat khas atau mesyuarat luar biasa melainkan jika perkara itu telah dimasukkan dalam agenda.
- Kuorum 6. (a) Kuorum untuk mesyuarat biasa dan mesyuarat khas ialah sepertiga (1/3) daripada bilangan ahli Senat yang berada di Malaysia pada masa itu. Kuorum untuk mesyuarat luar biasa ialah seperempat (1/4) daripada bilangan ahli yang berada di Malaysia pada masa itu.
- (b) Jika kuorum tidak diperolehi tiga puluh (30) minit selepas waktu mesyuarat biasa sepatutnya dimulakan maka mesyuarat itu hendaklah ditunda ke tarikh lain yang ditetapkan oleh Naib Canselor. Pemberitahuan mengenai tarikh mesyuarat yang baru itu hendaklah dikeluarkan selewat-lewatnya empat puluh lapan (48) jam terlebih dahulu.
- (c) Jika sekiranya kuorum tidak juga diperolehi setengah (1/2) jam selepas waktu

mesyuarat yang baru itu sepatutnya dimulakan, maka mesyuarat itu hendaklah dimulakan pada waktu itu juga dan apa-apa keputusan yang diambil hendaklah dianggap seolah-olah keputusan itu diambil dalam mesyuarat yang ada kuorum dengan syarat bahawa tidak ada apa-apa perkara baru telah ditambahkan kepada agenda asal.

- (d) Jika kuorum tidak diperolehi setengah (1/2) jam selepas waktu sesuatu mesyuarat khas atau luar biasa sepatutnya dimulakan, maka mesyuarat itu terbatal dengan sendirinya.

Penangguhan  
dan  
Menamatkan  
Mesyuarat

- 7. (a) Sesuatu mesyuarat biasa hendaklah ditamatkan atau ditangguhkan selepas telah berjalan selama dua setengah (2 ½) jam kecuali jika Senat membuat ketetapan supaya mesyuarat itu diteruskan lagi selepas itu.
- (b) Sambungan bagi mesyuarat yang ditangguhkan menurut peraturan di atas hendaklah diadakan pada tarikh dan masa yang ditetapkan oleh Senat tetapi tidak lewat daripada tujuh (7) hari selepas tarikh penangguhan itu. Mesyuarat sambungan itu hendaklah dianggap sebagai sebahagian daripada mesyuarat asal yang telah ditangguhkan dan tidak ada apa-apa perkara baru boleh dikemukakan di dalamnya kecuali di bawah perkara "Hal-hal Lain." Sesuatu mesyuarat sambungan hendaklah ditamatkan selepas ia berjalan selama dua setengah (2 ½) jam kecuali jika Senat membuat ketetapan supaya mesyuarat itu diteruskan lagi selepas itu.
- (c) Jika ada sesuatu perkara dalam agenda yang masih belum dibincangkan ketika mesyuarat ditamatkan menurut peraturan 7 (a) atau 7 (b) di atas, maka perkara itu hendaklah dimasukkan ke dalam agenda bagi mesyuarat biasa yang berikutnya.
- (d) Mesyuarat khas dan luar biasa dijalankan seberapa lama yang difikirkan perlu oleh Senat.

Minit  
Mesyuarat

- 8. (1) Minit mesyuarat biasa, mesyuarat khas dan mesyuarat luar biasa hendaklah diedarkan kepada ahli-ahli selepas-lewatnya dua puluh satu (21) hari selepas tarikh mesyuarat yang berkaitan.
- (2) Minit mesyuarat biasa hendaklah dikemukakan untuk pengesahan Senat dan membincangkan perkara-perkara berbangkit dalam mesyuarat biasa yang berikutnya. Minit mesyuarat khas atau luar biasa hendaklah dikemukakan untuk pengesahan Senat dalam suatu mesyuarat biasa dengan seberapa segera yang boleh. Pindaan ke atas minit sesuatu mesyuarat, jika ada, hendaklah dilakukan sebelum minit itu disahkan.
- (3) Sebaik sahaja minit bagi sesuatu mesyuarat itu disahkan oleh Senat, satu salinan minit mesyuarat tersebut hendaklah ditandatangani oleh Pengerusi mesyuarat yang mengesahkan minit tersebut serta disimpan sebagai dokumen rasmi Universiti.
- (4) Selepas minit sesuatu mesyuarat disahkan dalam sesuatu mesyuarat Senat yang sah menurut Peraturan-peraturan ini, maka tiada sesuatu bantahan boleh dibuat sama ada berkenaan apa-apa kandungan minit tersebut atau berkenaan sah atau tidaknya mesyuarat yang berkaitan itu.

9. (a) **Keputusan Secara Mesyuarat**

- (i) Sesuatu keputusan Senat biasanya adalah dibuat berasaskan pertemuan pendapat kesemua ahli yang hadir dalam sesuatu mesyuarat. Bagaimanapun, jika sekiranya dalam sesuatu keadaan yang tertentu didapati perlu menjalankan pengundian atas sesuatu perkara, maka tiap-tiap ahli yang hadir berhak kepada satu undi.
- (ii) Sekiranya terdapat kesamaan undi mengenai sesuatu perkara, maka Pengerusi berhak menggunakan undi kedua atau undi pemutus.
- (iii) Pengundian hendaklah dijalankan secara terbuka kecuali jika dikehendaki sebaliknya oleh sekurang-kurangnya dua pertiga (2/3) daripada ahli-ahli yang hadir.
- (iv) Minit-minit mesyuarat hendaklah merekodkan hanya keputusan-keputusan Senat dan tidak pendapat ahli-ahli secara perseorangan. Seseorang ahli yang tidak bersetuju dengan sesuatu keputusan mesyuarat boleh meminta supaya dicatatkan dalam minit-minit mesyuarat yang berkaitan bahawa ia tidak menyertai keputusan itu dengan syarat permintaan demikian dibuat dalam mesyuarat itu juga dan ahli yang berkenaan tidak boleh meminta hujah-hujahnya dicatatkan.

9. (b) **Keputusan Secara Edaran**

- (i) Sekiranya keputusan perlu dibuat dengan segera atas sesuatu perkara penting maka dengan persetujuan Naib Canselor perkara itu boleh dikelilingkan dengan surat kepada ahli-ahli untuk mendapatkan kelulusan mereka. Ahli-ahli hendaklah diberi masa selama tujuh (7) hari untuk memberitahu Setiausaha sama ada mereka bersetuju, berkecuali atau tidak bersetuju atas perkara yang dikemukakan secara pekeliling itu.
- (ii) Setiap keputusan, sama ada bersetuju, berkecuali atau tidak bersetuju hendaklah disampaikan secara bertulis kepada Setiausaha dalam masa tujuh (7) hari yang ditetapkan. Sekiranya jawapan tidak diperolehi dalam tempoh yang ditetapkan tersebut pihak Urusetia boleh menganggap bahawa ahli tersebut bersetuju meluluskannya.
- (iii) Keputusan Senat mengenai sesuatu perkara yang dikelilingkan adalah diasaskan kepada suara terbanyak ahli-ahli yang menyampaikan keputusannya menurut peraturan 9 (ii) di atas dengan syarat bahawa bilangan ahli-ahli yang memberi keputusannya, termasuk keputusan-keputusan berkecuali, adalah cukup untuk memperolehi kuorum bagi sesuatu mesyuarat biasa Senat. Keputusan itu hendaklah dilaporkan dalam mesyuarat biasa yang berikutnya serta direkodkan dalam minit mesyuarat tersebut.
- (iv) Walau apa pun yang diperuntukkan di bawah peraturan-peraturan lain, sekiranya ada dua (2) orang ahli atau lebih yang meminta supaya perkara yang dikelilingkan itu dibincangkan dalam suatu mesyuarat Senat, maka pekeliling itu hendaklah ditangguhkan dan dibincangkan dalam suatu mesyuarat biasa atau mesyuarat khas menurut mana yang

difikirkan sesuai oleh Naib Canselor.

- Kerahsiaan Mesyuarat
10. (1) Perbincangan-perbincangan dan lain-lain perjalanan mesyuarat Senat hendaklah dianggap sebagai **rahsia** dan tidak boleh diberitahu kepada mana-mana pihak kecuali atas prinsip “perlu tahu.”
- (2) Kertas-kertas agenda dan minit-minit mesyuarat Senat adalah dikelaskan **SULIT**, dengan itu ia tidak boleh diedarkan sebahagian atau seluruhnya kepada mana-mana pihak lain, sama ada di dalam mahupun di luar Universiti, melainkan dengan kebenaran bertulis daripada Naib Canselor.
- Syarat-Syarat Lain
11. (a) Peraturan-peraturan ini boleh dipinda pada bila-bila masa oleh Senat menerusi suatu ketetapan yang dibuat dalam mesyuarat serta dipersetujui oleh sekurang-kurangnya dua pertiga (2/3) daripada ahli-ahli yang hadir. Pindaan-pindaan itu hanya boleh dikuatkuasakan mulai daripada mesyuarat biasa yang berikutnya.
- (b) Mana-mana bahagian daripada peraturan-peraturan ini, kecuali peraturan-peraturan berkenaan kuorum mesyuarat, boleh digantung kuatkuasanya bagi sesuatu mesyuarat dengan syarat dipersetujui oleh sekurang-kurangnya dua pertiga (2/3) daripada ahli-ahli yang hadir.
- (c) Sekiranya timbul perselisihan pendapat tentang mana-mana bahagian daripada peraturan-peraturan ini, maka perkara itu hendaklah diputuskan dalam suatu Mesyuarat Senat.

*Diperbuat pada 21hb. November 1996.*

**Prof. Dato' Dr. Abu Hassan Othman**  
Naib Canselor  
(Pengerusi Senat)  
Universiti Malaysia Sabah.

**Pejabat Pendaftar**  
Februari 1998  
Bad:peraturan1/bd1